



UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DR. ALI HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN
ANUGERAH
KECEMERLANGAN PENGURUSAN
KEWANGAN BERDASARKAN
INDEKS AKAUNTABILITI PERINGKAT
PERSEKUTUAN**

**6 JANUARI 2014, 4.30 PETANG
AKADEMI AUDIT NEGARA**

Bismillaahir rahmaanir rahiim

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara

Y. Bhg. Ketua Setiausaha-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan

Y. Bhg. Timbalan-Timbalan Ketua Audit Negara

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Audit Negara

YBhg Tan Sri-Tan Sri, Dato' Sri-Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Para hadirin yang dihormati sekalian,

1. *Alhamdulillah*, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, atas limpah rahmat dan kurniaNya kita dapat berhimpun dalam majlis yang penuh bermakna pada petang ini, sempena Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti tahun 2012 bagi peringkat Kerajaan Persekutuan.

2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Y.Bhg. Tan Sri Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara, atas jemputan kepada saya bagi menyempurnakan Majlis ini. Saya kira belum lagi terlambat untuk saya mengambil

kesempatan mengucapkan “Selamat Tahun Baru 2014” kepada semua yang hadir pada hari ini.

PERANAN DAN FUNGSI AUDIT BAGI MENJAGA AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

3. Institusi audit di Malaysia telah melakar sejarah lebih daripada 100 tahun dimana pada hari ini, peranan audit merupakan satu tunggak yang penting dalam memastikan akauntabiliti dan integriti sistem penyampaian serta tadbir urus perkhidmatan awam menepati piawaian antarabangsa. Pelantikan Ketua Audit Negara oleh Yang Di-Pertuan Agong yang

diperuntukkan Perlembagaan Persekutuan mencerminkan penekanan yang diberikan oleh Kerajaan terhadap proses pengauditan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Hanya melalui pengauditan yang bebas, analisis yang objektif serta penilaian yang komprehensif terhadap pelaksanaan program, aktiviti dan projek Kerajaan, organisasi sektor awam akan berupaya meningkatkan tahap akauntabiliti dan integriti, menambah baik operasi serta memberi keyakinan kepada rakyat dan *stakeholders* mengenai penggunaan dan pengurusan dana awam secara berhemat.

4. Sebagaimana kita sedia maklum, pengauditan adalah suatu kaedah untuk menilai semula sistem dan proses yang

sedia ada, agar apa jua kelemahan yang timbul dapat diperbaiki dan diatasi. **Pengauditan merupakan satu proses *check and balance*** yang amat penting dalam menentukan urusan kewangan organisasi dilaksanakan secara efisien dan efektif. Ini adalah penting bagi mengekang aktiviti-aktiviti tidak sihat seperti penyalahgunaan kuasa, pembaziran serta penyelewengan dana awam, yang sekiranya tidak dibendung, pastinya mempunyai implikasi negatif terhadap imej serta proses pembangunan negara.

5. Kita harus sedar bahawa dasar-dasar awam yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada hakikatnya mempunyai niat yang murni, iaitu untuk manfaat serta

kesejahteraan rakyat dan negara. Namun jika program dan projek bagi menterjemahkan dasar-dasar tersebut tidak dirancang dengan teliti, tidak dilaksanakan dengan cekap dan tidak dipantau dengan berkesan, maka segala usaha Kerajaan untuk memenuhi keperluan kumpulan sasaran tersia-sia. Oleh yang demikian Ketua-ketua Setiausaha, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi haruslah sentiasa peka dan prihatin dengan isu-isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Audit serta mengambil iktibar dan mempelajari daripada pengalaman-pengalaman yang didedahkan oleh Ketua Audit Negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

SEBELAS LANGKAH-LANGKAH PERBELANJAAN BERHEMAT SEKTOR AWAM DALAM MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM

6. Program Transformasi Kerajaan memerlukan sistem pengurusan perkhidmatan awam yang lebih kreatif bagi menambah baik dan memurnikan sistem penyampaian Kerajaan ke arah memenuhi aspirasi dan harapan rakyat yang sentiasa meningkat. **Pegawai audit mempunyai peranan penting dalam memberikan maklum balas yang tepat, *timely* dan saksama kepada *stakeholders*.** Pendekatan ini memberi ruang untuk menghasilkan *outcome* dan impak positif kerana pendedahan kepada kejayaan atau

sebaliknya boleh menjadi teladan dan iktibar kepada organisasi lain. Pemerhatian atau teguran daripada Jabatan Audit Negara akan dapat membantu menambah baik pengurusan kewangan serta projek agar lebih *accountable* dan telus.

7. Sebagai contoh, bagi memastikan prinsip *value for money* di dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan, pendekatan *value management* telah ditekankan. **Melalui penjimatan yang dihasilkan, lebih banyak projek pembangunan akan dapat dilaksanakan untuk manfaat rakyat.** Di samping itu, pelaksanaan sistem *e-perolehan* dan *e-bidding* memastikan Kerajaan mendapat harga barangan yang lebih berpatutan dan

pengurusan kewangan Kerajaan adalah lebih cekap dan teratur.

8. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuka tirai tahun 2014 dengan mengumumkan **11 langkah-langkah perbelanjaan berhemat oleh sektor awam** yang telah mendapat **sambutan positif daripada pelbagai pihak**. Ini merupakan komitmen Kerajaan untuk memastikan segala wang awam yang dibelanjakan adalah berpatutan, menepati konsep 'value for money' dan memberikan manfaat sepenuhnya kepada rakyat. Malahan, pengurangan elaun oleh Yang Berhormat Anggota-Anggota Pentadbiran menunjukkan sokongan Kerajaan terhadap pendekatan tersebut. Saya percaya dan

yakin bahawa langkah-langkah ini akan berupaya **mendisiplinkan penjawat awam dan mencorakkan *mind-set* ke arah pengurusan sumber kewangan yang lebih berkesan dan berhemat.** 11 langkah-langkah tersebut yang turut membabitkan **pengurangan elaun dan kemudahan tertentu untuk pegawai kanan kerajaan merupakan pengorbanan untuk Negara** dan menunjukkan penjawat awam **sentiasa bersama rakyat selaras dengan konsep ‘Merakyatkan Perkhidmatan Awam’.**

9. Saya perhatikan bahawa kebanyakan kelemahan yang dilaporkan oleh pihak Jabatan Audit Negara boleh dielakkan sekiranya pegawai yang bertanggungjawab adalah komited untuk melakukan

pemantauan dan penyeliaan yang rapi serta berterusan. Masalah yang sering kita dengar seperti projek lewat disiapkan, kerja yang dihasilkan tidak mengikut spesifikasi atau tidak berkualiti, serta harga barang terlalu tinggi semuanya berkait rapat dengan sikap serta keprihatinan pegawai. Dalam memastikan **wang awam yang diamanahkan kepada kita dibelanjakan dengan sepatutnya**, penjawat perlu **sentiasa beringat dan berpesan kepada tanggungjawab dan amanah yang dipikul.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Saya dimaklumkan bahawa pada hari ini beberapa Kementerian, Jabatan dan Agensi akan menerima anugerah kerana

telah mencapai tahap kecemerlangan dalam penarafan Indeks Akauntabiliti pengurusan kewangan di agensi masing-masing. Saya amat berbangga apabila dimaklumkan bahawa bilangan agensi yang menerima anugerah pada tahun 2012 telah bertambah dengan ketara berbanding tahun 2011. Ia menggambarkan impak positif Laporan Ketua Audit Negara terhadap penambahbaikan pengurusan kewangan di sektor awam. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah pada tahun ini.

11. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara serta seluruh warga Jabatan Audit Negara

atas usaha dan komitmen bagi mentransformasikan pengurusan kewangan negara ke tahap yang membanggakan. Akhir kata, dengan lafaz *Bismillaahir rahmaanir rahim*, saya merasmikan **Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Peringkat Persekutuan bagi tahun 2012.**

Sekian,

Wabillahittaufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

This page is intentionally left blank